

**TEKS UCAPAN
YB DATUK ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN KERJA RAYA
BAGI BULAN JULAI 2014**

PADA

**17 JULAI 2014
(KHAMIS)**

BERTEMPAT DI

**DEWAN TAN SRI MAHFUZ KHALID
KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YBhg Datuk Himmat Singh

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBrs Encik Sarani bin Dollah

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

YBhg Dato' Zainudin bin Zakaria

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

Y.Bhg. Dato' Ir. Annies bin Md. Ariff

Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Abdul Karim

Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Binaan Malaysia (CIDB)

Y.Bhg. Dato' Ir. Haji Ismail Bin Md. Salleh

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan agensi,

YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

PENDAHULUAN

1. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Saya amat bersyukur kerana masih diberi kesempatan untuk terus bersama-sama di Kementerian Kerja Raya bagi merealisasikan visi yang telah ditetapkan dalam agenda pembangunan negara. Saya juga merakamkan penghargaan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) kerana telah berjaya menganjurkan Perhimpunan Bulanan Kementerian Kerja Raya pada kali ini dan kerana memberi kesempatan kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata.

Sidang hadirin sekalian,

TRAVEL SMARTER SATU BENTUK PELAN KOMUNIKASI

2. Rangkaian lebuhraya yang melingkari semenanjung Malaysia adalah hasil daripada pelaksanaan dasar penswastaan kerajaan. Dasar penswastaan ini telah terbukti menjadi salah satu asas kepada penjana ekonomi negara. Pembinaan lebuhraya di seluruh negara bukan sahaja dapat memberi kemudahan kepada rakyat dengan menyediakan kemudahan infrastruktur bertaraf dunia, tetapi yang lebih penting ialah ia menjadi pemangkin kepada kemajuan dalam pelbagai sektor ekonomi.

3. Walau bagaimanapun dalam menyediakan infrastruktur sedemikian sudah pasti akan ada halangan dan bantahan terutama penduduk yang terlibat dengan kawasan pembinaan. Disinilah pentingnya kita menyediakan pelan komunikasi strategik dalam menyampaikan maklumat yang tepat serta mengambil tindakan ke atas maklumbalas-maklumbalas yang diterima daripada penduduk. Pelan komunikasi ini dilaksanakan semata-mata atas dasar mengambil kira kepentingan rakyat di samping mengelak kemungkinan adanya pihak yang mengambil kesempatan untuk memutar belitkan fakta. Pelan komunikasi ini tidak seharusnya terhenti setelah projek sudah siap, tetapi hubungan yang diwujudkan dengan masyarakat setempat perlu teruskan bagi menilai dan menambahbaik perkhidmatan yang diberikan.

4. Dalam hal ini, Lembaga Lebuhraya Malaysia telah pun mengarahkan Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) untuk membangunkan Pelan Komunikasi yang bertujuan untuk mendidik, memberitahu dan mewujudkan kesedaran kepada orang ramai khususnya pengguna-pengguna lebuhraya terhadap perkara berkaitan lebuhraya tol. Kempen *Travel Smarter* merupakan salah satu aktiviti di bawah pelan komunikasi yang mempunyai platform latar belakang dan faedah pembangunan lebuhraya di Malaysia, info trafik secara langsung dan juga “*Journey Planner*”. Pelancaran Kempen *Travel Smarter* ini akan dibuat sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang. Ini adalah kerana ianya merupakan salah satu alat yang dapat membantu pengguna lebuhraya merancang perjalanan mereka sempena musim perayaan.

BANTUAN KECEMASAN AWALAN DI LEBUHRAYA

5. Di samping itu, kerajaan juga sedang mengambil tindakan untuk menyediakan pasukan bantuan kecemasan awalan sekiranya berlaku kemalangan di lebuhraya. Bantuan kecemasan awalan sangat diperlukan bagi memastikan mangsa kemalangan mendapat rawatan awalan sebelum pasukan paramedik tiba. Jika kita lihat apabila berlaku kemalangan di lebuhraya, kesesakan teruk pasti berlaku terutama jika ianya berlaku semasa

waktu puncak. Ini menyukarkan bantuan kecemasan dari Petugas Paramedik dan Bomba untuk tiba ke tempat kejadian bagi memberi bantuan.

6. Menyedari keadaan ini, Lembaga Lebuhraya Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia mengorak langkah menyediakan peronda lebuhraya yang mempunyai pengetahuan pertolongan kecemasan yang tiba awal di tempat kejadian. Peronda lebuhraya ini akan diberikan latihan khusus bantuan kecemasan awalan kepada mangsa kemalangan. Program perintis akan dilaksanakan di Lebuhraya Utara - Selatan bagi laluan lebuhraya di dalam negeri Selangor dari Seremban ke Tanjung Malim melibatkan seramai 150 orang peronda lebuhraya PLUS. Saya melihat usaha sebegini sangat-sangat membantu di dalam menyelamatkan mangsa kemalangan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

PERKHIDMATAN KERAJAAN TERJEJAS AKIBAT DARIPADA PANGGILAN TIDAK BERJAWAB

7. Sepertimana kita sedia maklum, 1Malaysia *One Call Centre* (1MOCC) merupakan sebuah pusat panggilan setempat yang berperanan sebagai pemudahcara komunikasi antara orang awam dengan agensi-agensi

Kerajaan melalui penggunaan satu nombor tunggal, 03-80008000. 1MOCC adalah salah satu program di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dan pelaksanaannya kini meliputi 44 Kementerian dan Agensi Kerajaan.

8. Sejak program 1MOCC beroperasi pada 12 November 2012, antara isu utama yang dikenalpasti adalah panggilan yang disambungkan oleh pihak 1MOCC kepada kakitangan di Kementerian dan Agensi, tidak berjawab. Panggilan ini disambungkan kerana ia melibatkan isu dasar dan polisi Kementerian selain pemanggil ingin mendapatkan maklumat lanjut berhubung sesuatu perkara.

9. Berdasarkan statistik keseluruhan yang direkodkan dari bulan Januari hingga Mei 2014, sebanyak 98,481 transaksi (16%) daripada keseluruhan transaksi (615,253) adalah Panggilan Tidak Berjawab. Panggilan Tidak Berjawab ini mampu menjejaskan tahap kepuasan dan kebolehpercayaan rakyat terhadap perkhidmatan serta usaha transformasi kerajaan.

10. Saya menyeru kepada pegawai yang dilantik sebagai *focal person* di Bahagian dan Unit supaya lebih peka untuk menjawab panggilan dari 1MOCC dan sentiasa siap siaga dalam memberikan jawapan dan maklumbalas yang tepat dan memuaskan kepada pemanggil. Kakitangan KKR dan agensi juga perlu sentiasa mengetahui apa yang berlaku di

sekeliling mereka. Ini kerana kakitangan yang berpengetahuan dan bertanggungjawab sahaja dapat menaikkan imej kementerian dan jabatan di mata rakyat. Ketua-ketua bahagian perlu sama-sama membantu dengan memantau kesiap siagaan pegawai *focal person* bahagian demi mencapai hasrat mengurangkan Panggilan Tidak Berjawab Kementerian dan Agensi dalam kadar yang segera.

Sidang hadirin sekalian,

SEMINAR GST KEPADA KONTRAKTOR BUMIPUTERA

11. Dalam mengharungi keadaan pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan, kestabilan ekonomi perlu ditadbir urus berdasarkan Program Transformasi Ekonomi Negara yang telah direncanakan sebelum ini. Langkah ini perlu diteruskan bagi memastikan kedudukan kewangan negara semakin mantap dan kukuh. Berdasarkan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak baru-baru ini di dalam perhimpunan majlis bulanan Kementerian Kewangan, langkah-langkah yang diambil seperti konsolidasi fiskal dan rasionalisasi subsidi termasuk memperkenalkan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang mana semua ini dilakukan dengan cara yang berhemah serta tidak keterlaluan dan membebaskan rakyat.

12. Pelaksanaan GST ini sudah pastinya memerlukan penerangan yang lebih jelas bukan saja kepada rakyat malah kepada peniaga-peniaga termasuk kontraktor-kontraktor. Bagi memastikan kontraktor-kontraktor Bumiputera sentiasa arif akan dasar dan juga pelaksanaan Goods and Service Tax (GST), KKR melalui kerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan melaksanakan 14 siri seminar pelaksanaan GST di seluruh negara. Peruntukan daripada Kementerian Kewangan berjumlah **RM260,000** telah diterima bagi maksud untuk melaksanakan seminar GST ini. Diharapkan dengan adanya seminar yang dianjurkan, kontraktor-kontraktor Bumiputera dapat melaksana dan menggunakan sistem GST ini dan seterusnya membantu Kerajaan meneguhkan ekonomi negara bagi jangka masa panjang.

AGENDA KERAJAAN MEMPERKASA EKONOMI BUMIPUTERA DITERUSKAN

13. Sebagai mana kita sedia maklum, Kerajaan di bawah pentadbiran YB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah memperkenalkan pelbagai program dan inisiatif memperkasakan ekonomi Bumiputera. Selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2013 bertarikh 29 November 2013 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, KKR telah

menubuhkan Jawatankuasa Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (JPEB) pada 27 Disember 2013 yang bertanggungjawab untuk mengerakkan agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera secara berkesan. Di antara inisiatif yang telah dijalankan adalah:

- (i) Penglibatan sebanyak 30 peratus kontraktor Bumiputera dalam projek lebuhraya seliaan LLM;
- (ii) Mengadakan latihan kepada belia Bumiputera dalam bidang kemahiran industri pembinaan oleh Akademi Binaan Malaysia, CIDB; dan
- (iii) Program Latihan Profesional Bumiputera dalam industri binaan.

14. Disamping itu, pada tahun ini KKR berusaha untuk melaksanakan beberapa inisiatif Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera tambahan antaranya adalah:

- (i) Mewujudkan data kontraktor Bumiputera tulen dan berwibawa;
- (ii) Membangunkan kontraktor Bumiputera dalam kerja-kerja renovation/ubahsuai melalui pendaftaran kontraktor oleh CIDB dengan penguatkuasaan pihak berkuasa tempatan (PBT); dan
- (iii) Memastikan penglibatan sebanyak 10 peratus nilai kerja kepada kontraktor Gred G1 (Bumiputera) daripada 60 peratus yang diberikan kepada kontraktor Bumiputera dalam 6 projek lebuhraya penswastan

yang telah diluluskan dan disiapkan dalam tempoh RMK-10 dan RMK-11.

15. Inisiatif-inisiatif yang dijalankan ini sudah pastinya memperkasakan Ekonomi Bumiputera agar lebih berdaya saing bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang dan menjadikan Malaysia sebagai negara berstatus Negara Maju menjelang tahun 2020.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2014

16. Atas keprihatinan Kerajaan serta menghargai khidmat bakti penjawat awam, bantuan khas kewangan iaitu sebanyak RM500.00 telah diberikan pada 15 Julai 2014 bagi pegawai di Gred 54 dan ke bawah. Pesara Kerajaan juga tidak ketinggalan menikmati bantuan khas kewangan ini yang berjumlah RM250.00. Kerajaan berharap bantuan ini dapat meringankan beban kewangan kepada penjawat awam dan pesara bagi persiapan menyambut Hari Lebaran. Saya menyeru warga kementerian dan agensi supaya berbelanja secara berhemah dan juga memperuntukkan sedikit wang dari bantuan khas ini sebagai simpanan pada masa hadapan atau kegunaan lain yang lebih diperlukan.

IBADAH BERPUASA DAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

17. Pada hari ini genap 19 hari umat Islam menjalani ibadah berpuasa di bulan Ramadhan. Marilah sama-sama kita meningkatkan amal ibadat kita di sepanjang tempoh yang masih berbaki di bulan Ramadhan Al Mubarak ini. Saya berharap agar hadirin sekalian diberi keberkatan di sepanjang bulan ini dan mengambil peluang untuk muhasabah dan mentarbiahkan diri bagi memiliki jiwa dan hati yang suci bersih. Secara tidak langsung saya percaya ianya akan meningkatkan kekuatan rohani dan integriti individu yang akan dizahirkan semasa melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan.

18. Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan mengingatkan hadirin sekalian untuk berhati-hati memandu serta mengamalkan pemanduan berhemah lebih-lebih lagi semasa pulang berhari raya di kampong halaman masing-masing. Peningkatan trafik semasa musim perayaan sangat sinonim dengan risiko berlakunya kemalangan. Saya menyarankan supaya tuan-tuan dan puan-puan merancang perjalanan dan mempunyai rehat secukupnya. Seperti hadirin sekalian sedia maklum terdapat pelbagai kemudahan infotrafik antaranya menghubungi Pusat Pengurusan Trafik LLM, talian hotline JKR dan syarikat-syarikat konsesi yang beroperasi semasa musim

perayaan. Kita juga harus tidak melupakan pengorbanan kakitangan yang perlu bertugas pada hari Raya Aidilfitri seperti di Pusat Pengurusan Trafik, peronda lebuh raya dan agensi penguatkuasa dan keselamatan bagi memastikan keselesaan dan kelancaran perjalanan kita.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

19. Sebelum mengakhiri ucapan di perhimpunan kali kedua tahun ini, besar harapan saya agar seluruh warga KKR dan agensi dibawahnya berusaha menjalankan tugas dengan beramanah dan berintegriti, khususnya demi menjaga nama baik perkhidmatan awam. Pada zaman siber ini, setiap tindakan dan keputusan kita sentiasa dinilai dan dikritik oleh masyarakat di luar sana melalui pemerhatian mereka dalam dunia bermaklumat tanpa sempadan. Justeru, peliharalah integriti kita sebagai penjawat awam bagi memastikan tidak berlakunya ketirisan wang mahupun maklumat yang mampu menggugat keutuhan perkhidmatan awam, In Syaa Allah .

Sekian, wabillahitafik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

